

06/10/1998

Kadar tukaran ringgit kekal

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia tidak akan mengubah kadar pertukaran ringgit dengan dolar Amerika sehingga jurangnya terlalu besar dan menjejaskan daya saing negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri yakin kadar RM3.80 bagi setiap dolar Amerika membolehkan Malaysia terus bersaing dengan negara jiran walaupun nilai mata wang mereka menyusut atau dinilaikan semula.

Menurutnya, Malaysia perlu mengekalkan daya saingnya berbanding negara jiran yang mana nilai mata wang mereka turut susut.

"Anda diberi jaminan yang anggaran belanjawan anda dan penetapan harga dalam ringgit tidak akan terjejas oleh turun naik mendadak kadar pertukaran ringgit dengan mata wang lain," katanya ketika merasmikan Konvensyen Persatuan Gedung Serbaneka Jepun, di sini hari ini.

Konvensyen itu dihadiri wakil 137 syarikat Jepun dari seluruh dunia. Antaranya ialah gedung perniagaan Jepun yang beroperasi di negara ini seperti Jusco, Isetan dan Sogo, selain pasar raya khusus seperti Kinokuniya, Maruzen, Nihonbashi dan Mori-Toys.

Dr Mahathir yakin, ekonomi Malaysia akan pulih dan terus bertambah baik berikutan asas yang kukuh. Dasar penstabilan dan infrastruktur mengawal selia diperkenalkan supaya ekonomi negara tidak menerima kesan kegiatan pedagang mata wang dan penyerbu pasaran saham yang menyebabkan ketidakstabilan.

"Hari ini ekonomi kita paling stabil di Asia dengan pedagang dan pelabur boleh menjalankan perniagaan dengan kepastian yang lebih lagi," katanya sambil menambah, sejak kawalan tukaran asing diperkenalkan pada 1 September lalu, urusan perniagaan meningkat dengan ketara.

Menurut Perdana Menteri, kadar faedah rendah dan syarat sewa beli berjaya merangsangkan perniagaan runcit, manakala kegiatan perniagaan lain juga meningkat.

"Kos wang yang lebih murah akan mengembalikan kuasa membeli orang ramai dan ini seterusnya membantu memulihkan perniagaan runcit. Anda mungkin melihat, walaupun kerajaan kini mengawal sepenuhnya kadar pertukaran, kita tidak memperkukuhkan sangat nilai ringgit.

"Asalnya, nilai pertukaran ialah pada paras RM2.50 bagi setiap dolar Amerika, tetapi kini ia ditetapkan pada paras RM3.80 bagi setiap dolar Amerika," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan terus menggalakkan aliran masuk modal dan pelaburan asing jangka pendek dalam pasaran saham serta pelaburan dalam sektor produktif seperti perkilangan.

Malaysia menyambut baik modal terus daripada pelabur asing dalam sektor perkilangan kerana ia akan membantu program perindustrian negara.

Bagaimanapun, katanya, pelaburan pasaran saham, terutama bagi keuntungan modal, tidak dikenakan cukai dan ia boleh memusnahkan ekonomi dengan mudah apabila mereka membawa keluar wang dan keuntungan.

"Inilah yang menyebabkan kemelut kewangan sekarang ini. Lebih kurang RM600 bilion ataupun AS\$150 bilion dalam modal pasaran hilang," katanya.

Pada tahun lalu, 759 projek membabitkan pelaburan modal RM25.8 bilion diluluskan, termasuk 44 peratus atau RM11.5 bilion pelaburan asing dari Amerika, Jepun, Jerman, Taiwan dan Singapura.

Daripada jumlah itu, 462 atau 61 peratus adalah untuk projek baru, manakala 297 permohonan lagi daripada pelabur asing di negara ini, yang ingin mengembangkan dan mempelbagaikan operasi di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, daripada pelaburan persatuan itu di seluruh dunia yang berjumlah RM140.6 juta pada 1997, 24 peratus atau RM34.2 juta dilaburkan di Malaysia.

"Empat daripada 85 ahli persatuan yang beroperasi di Malaysia, menyumbang RM399 juta atau 3.4 peratus daripada hasil jualan persatuan itu di seluruh dunia," katanya.

(END)